

GANGGUAN SEKSUAL DI TEMPAT KERJA

PENGENALAN

Gangguan seksual adalah salah satu perlakuan tidak bermoral yang dilakukan oleh seseorang terhadap seseorang yang lain. Kebiasaannya perlakuan ini dilakukan oleh individu yang lebih berkuasa dan mengalami ketidaksejahteraan psikologi. Kelompok ini biasanya mengalami permasalahan hidup, keluarga dan perhubungan yang kurang stabil.

Gangguan seksual memberi kesan negatif kepada mangsa yang mungkin boleh menyebabkan mangsa mengalami trauma, fobia, ketakutan dan menjejaskan rutin harian. Ini secara tidak langsung menjejaskan produktiviti dan keberhasilan kerja seseorang individu.

TAKRIFAN

Ditakrifkan sebagai sebarang perlakuan berunsur seksual yang tidak diingini sama ada secara lisan, bukan lisan, visual, psikologi atau fizikal, atas sebab yang munasabah setelah mengambil kira segala hal keadaan, akan menyebabkan seseorang yang waras berasa tersinggung, terhina atau terugut.

KATEGORI GANGGUAN SEKSUAL

- a. Cubaan untuk merapati orang lain secara seksual
- b. Meminta layanan seksual daripada orang lain
- c. Gangguan seksual yang mengugut
- d. Gangguan seksual yang menyinggung atau menghina

PERLAKUAN, KEADAAN ATAU PERBUATAN YANG TERJUMLAH KEPADA GANGGUAN SEKSUAL

- a. Gangguan secara fizikal : mendekati orang lain dalam jarak yang terlalu dekat sehingga orang tersebut berasa kurang selesa, memegang, memeluk, menepuk, menggosok, mencubit, mencium, menjilat, atau meraba.
- b. Gangguan secara lisan : penggunaan bahasa lucah melalui perbualan, bercerita, berjenaka, membuatbunyi-bunyian, memberi kritikan, komen, pujian atau mengajukan soalan secara seksual ke atas penampilan, pakaian, tingkah laku, tubuh badan atau aktiviti seksual.
- c. Gangguan secara isyarat : sikap atau perlakuan yang memberi maksud atau gambaran keinginan yang berunsurkan seksual seperti menjeling, menggoda, merenung, mengintai, menjilat bibir atau menggunakan bahasa isyarat lain.

d. Gangguan secara visual : menghantar nota, surat, mel elektronik (e-mel), *short messaging system* (sms), *multimedia messaging system* (mms), gambar (foto), poster, objek atau bahan bacaan yang berunsur seksual yang diedarkan menerusi media elektronik, blog, vlog atau platform media sosial seperti *facebook*, *WhatsApp*, *twitter* atau apa-apa aplikasi.

e. Gangguan secara Psikologi : perbuatan cuba merapati secara seksual, mendorong, mendesak, mengugut atau memujuk rayu bagi memenuhi keinginan seksual.

TINDAKAN YANG BOLEH DIAMBIL OLEH MANGSA

a. Mengemukakan Aduan

- Unit Integriti (UI) Jabatan tempat bertugas; atau
- membuat laporan polis; atau sekiranya tidak pasti sama ada ia adalah gangguan seksual
- menghubungi Pegawai Psikologi/Kaunselor Organisasi/UI, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) atau agensi-agensi yang mengendalikan isu-isu gangguan seksual untuk khidmat nasihat selanjutnya.

b. Mengumpulkan Bukti

- membuat catatan atau merekod kejadian (tarikh, tempat, masa dan sebagainya);
- menyimpan apa-apa nota, surat, emel elektronik (e-mel), *sms*, *mms*, gambar, poster, objek atau bahan bacaan atau visual yang berunsur seksual yang telah diedarkan menerusi media elektronik, blog, vlog, atau platform media sosial seperti *WhatsApp*, *Twitter* atau apa-apa aplikasi.
- memaklumkan kejadian kepada pihak ketiga, sekiranya perlu;
- mengenal pasti orang lain yang melihat kejadian yang berlaku atau orang pertama yang diceritakan oleh pengadu agar orang berkenaan boleh diminta untuk memberi keterangan apabila diperlukan.

PENUTUP

Untuk mengetahui dengan lebih lanjut berkaitan gangguan seksual di tempat kerja boleh rujuk Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2018 : Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual Di Tempat Kerja di laman web rasmi JPA www.jpa.gov.my.